(Versi Bahasa Malaysia)

Notis Perlindungan Data Peribadi Untuk Pekerja dan Bakal Pekerja

1. Notis Perlindungan Data Peribadi untuk Pekerja dan Bakal Pekerja ("**Notis**") menerangkan dasar YTY Industry Holdings Sdn Bhd ("**YTYIH**") serta ahli gabungan dan anak syarikatnya (secara kolektif atau individu sebagai "**Syarikat**") berhubung dengan pemprosesan Data Peribadi anda. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi-versi bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

2. "**Data Peribadi**" bermaksud maklumat mengenai anda, dari mana anda boleh dikenal pasti, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, tarikh lahir, alamat surat-menyurat, alamat e-mel, nombor telefon, nombor telefon bimbit, nombor kad pengenalan, nombor pasport, agama, bangsa, imej atau gambar anda, status perkahwinan, latar belakang pendidikan/kelayakan dan sejarah pekerjaan dahulu, nombor akaun bank, maklumat sumbangan berkanun (seperti sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Sistem Insurans Pekerjaan, maklumat berkaitan cukai, butiran permit kerja, butiran gaji anda, pampasan dan faedah, butiran tindakan tatatertib terhadap anda (sekiranya ada), butiran penilaian prestasi anda, sejarah kenaikan pangkat, nama(-nama), tarikh(-tarikh) lahir, maklumat hubungan, nombor(-nombor) kad pengenalan, pekerjaan, maklumat cukai pendapatan suami atau isteri, waris dekat, dan tanggungan, anak-anak, benefisiari-benefisiari dan sebarang maklumat yang dihasilkan semasa pengambilan dan/atau dalam tempoh pekerjaan anda dengan Syarikat, dan termasuk sebarang data peribadi sensitif seperti data yang berkaitan dengan kesihatan anda, termasuk maklumat yang berkaitan dengan sejarah perubatan anda (termasuk rekod vaksinasi), sebarang ketakupayaan atau kecacatan yang anda ada, sebarang data penyakit pandemik atau epidemik yang berkaitan dengan keadaan kesihatan anda termasuk tetapi tidak terhad kepada status vaksinasi dan maklumat sijil digital vaksinasi anda, sebarang data berkaitan kesihatan seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan, serta data jenayah seperti pelakuan atau dakwaan pelakuan sebarang kesalahan oleh anda.

3. Selain daripada Data Peribadi yang anda berikan kepada Syarikat secara langsung (termasuk melalui halaman pengambilan pekerjaan pada laman web Syarikat), Syarikat juga mungkin mengumpul Data Peribadi anda daripada pelbagai sumber seperti maklumat dalam borang permohonan pekerjaan, borang akuan perubatan atau borang lain yang serupa, dari sumber maklumat pihak ketiga seperti laman web pengiklanan pekerjaan, agensi pengambilan pekerjaan, perunding carian, kenalan LinkedIn, rujukan daripada pihak-pihak ketiga, apabila anda menyerahkan maklumat atau resume anda atau maklumat lain yang dihasilkan daripada pelantikan anda dan semasa pengambilan dan/atau sepanjang tempoh pekerjaan anda dengan Syarikat. Dalam keadaan tertentu, maklumat perubatan anda juga mungkin dikongsi dengan Syarikat oleh klinik yang dilantik oleh Syarikat di mana pelaporan diperlukan di bawah undang-undang.

4. Dalam sesetengah keadaan, Data Peribadi anda mungkin dikumpulkan secara tidak langsung oleh peranti pengawasan atau melalui cara lain seperti sistem kawalan akses dan pengawasan bangunan dan lokasi, televisyen litar tertutup, log dan rakaman telefon, log e-mel dan akses Internet.

5. Jika anda telah diterima untuk digaji oleh Syarikat, pemberian Data Peribadi anda kepada Syarikat adalah wajib untuk tujuan penggajian anda dengan Syarikat, untuk memproses gaji dan untuk menikmati manfaat yang ditawarkan oleh Syarikat kepada pekerja-

pekerjanya serta untuk mematuhi undang-undang. Jika ahli keluarga anda dilindungi di bawah skim insurans perubatan Syarikat, pemberian data peribadi ahli keluarga anda adalah wajib. Kegagalan untuk memberikan maklumat ahli keluarga anda untuk tujuan ini akan menyebabkan ahli keluarga anda tidak dapat menikmati faedah perubatan yang ditawarkan di bawah skim insurans perubatan Syarikat.

6. Sekiranya anda seorang bakal pekerja Syarikat, pemberian Data Peribadi anda kepada Syarikat adalah secara sukarela, namun kegagalan untuk memberikan Data Peribadi anda akan menyebabkan Syarikat tidak dapat mempertimbangkan permohonan pekerjaan anda dengan Syarikat.

7. Dengan menandatangani Notis ini, anda dengan ini memberi persetujuan kepada pemprosesan Data Peribadi anda dan, jika anda telah memberikan Data Peribadi yang berhubungan dengan ahli keluarga anda, anda juga mengesahkan bahawa anda telah mendapat persetujuan suami atau isteri dan/atau persetujuan sebagai ibu bapa/penjaga yang sah kanak-kanak anda bagi pemprosesan Data Peribadi oleh Syarikat selaras dengan Notis ini.

Tujuan penggunaan

8. Anda dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa Syarikat mengumpul, menggunakan, memproses dan menyimpan Data Peribadi anda untuk tujuan pekerjaan anda dengan Syarikat dan untuk memastikan pengambilan dan/atau pekerjaan anda dengan Syarikat boleh diurus dan ditadbir secara berkesan, termasuk (tanpa had) untuk tujuan yang berikut ("**Tujuan**"):

Sekiranya anda seorang bakal pekerja, untuk:

(a) tujuan penilaian kesesuaian untuk pekerjaan, termasuk untuk penentuan kecergasan perubatan pra-pekerjaan;
(b) tujuan pengesanan, pencegahan, pengesanan kontak dan pelaporan mana-mana penyakit pandemik atau epidemik; dan
(c) tujuan pentadbiran am dan penyimpanan rekod;

Setelah anda diterima sebagai pekerja oleh Syarikat, untuk:

(a) tujuan pentadbiran am dan penyimpanan rekod;
(b) perancangan dan pemprosesan bilangan kakitangan dan gaji;
(c) pembayaran balik dan pembayaran tuntutan perbelanjaan;
(d) pembangunan tenaga kerja, latihan dan pensijilan;
(e) tujuan pengesanan, pencegahan, pengesanan kontak dan pelaporan mana-mana penyakit pandemik atau epidemik;
(f) pelancongan bagi tujuan perniagaan;
(g) pengurusan prestasi;
(h) tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D);
(i) memberi, meluluskan dan memantau faedah dan kelayakan pekerja, seperti perlindungan insurans dan faedah perubatan;
(j) bagi tujuan pemfailan harta intelek (seperti pemfailan paten), jika berkenaan;
(k) tujuan audit dan pematuhan;
(l) tujuan analisis data;
(m) tujuan pengurusan risiko dan keselamatan;

(n) menyediakan dan memantau akses kepada tempat kerja, kemudahan dan sistem yang berkaitan;
(o) siasatan dalaman dan prosiding undang-undang, termasuk pemeriksaan rujukan dengan agensi penguatkuasa undang-undang;
(p) pelaporan, kelulusan dan pematuhan kawal selia;
(q) pematuhan undang-undang dan sebarang pindaan yang berkuat kuasa; dan
(r) untuk tujuan lain sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang.

Data Peribadi anda juga (sekiranya berkenaan) mungkin dikongsi bersama pihak-pihak ketiga yang berhubungan dengan suatu transaksi korporat, seperti penjualan anak syarikat atau bahagian, penggabungan, penyatuan, atau penjualan aset, atau sekiranya berlaku penggulungan.

Pemindahan Data Peribadi

9. Data Peribadi anda mungkin dipindahkan ke, disimpan, digunakan dan diproses dalam suatu bidang kuasa selain daripada Malaysia untuk Tujuan, termasuk di mana entiti-entiti berkaitan Syarikat, penasihat undang-undang dan pelayan-pelayan ('*server*') yang terletak di luar Malaysia. Anda faham dan memberi persetujuan kepada pemindahan Data Peribadi anda ke luar Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis ini.

Penggunaan oleh dan pendedahan kepada pihak-pihak ketiga

10. Data Peribadi anda mungkin dipindahkan, diakses atau didedahkan kepada pihak-pihak ketiga bagi Tujuan. Selanjutnya, Syarikat mungkin melantik syarikat, penyedia perkhidmatan atau individu lain untuk melaksanakan fungsi bagi pihak Syarikat, dan oleh demikian mungkin memberikan akses kepada atau mendedahkan Data Peribadi anda kepada penyedia perkhidmatan atau pihak ketiga tersebut. Pihak ketiga yang dirujuk dalam Seksyen ini termasuk (tanpa had):-

(a) pihak ketiga yang Syarikat menyumberluarkan fungsi dalaman tertentu, seperti vendor teknologi maklumat, syarikat insurans dan penyedia perkhidmatan sistem gaji;
(b) penasihat undang-undang (termasuk peguam luar untuk tujuan pemfailan harta intelek, jika berkenaan), syarikat insurans dan juruaudit Syarikat;
(c) entiti lain dalam Syarikat;
(d) badan perundangan dan kerajaan serta pengawal selia seperti Kementerian Sumber Manusia (KSM), KWSP, PERKESO, Lembaga Hasil Dalam Negeri (IRB/LHDN), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Tenaga Atom, serta Kementerian Kesihatan Malaysia untuk tujuan pengesanan, pencegahan, pengesanan kontak dan pelaporan penyakit pandemik atau epidemik.

Tempoh Pemprosesan Data Peribadi

11. Syarikat memproses Data Peribadi anda hanya sepanjang tempoh yang diperlukan dan selagi Syarikat dikehendaki berbuat demikian di bawah tempoh had berkanun yang berkaitan, undang-undang dan peraturan yang terpakai serta dasar dalaman kami.

Keselamatan Data Peribadi anda

12. Syarikat telah melaksanakan langkah keselamatan yang sesuai dan munasabah dari segi komersial untuk menyimpan Data Peribadi anda yang Syarikat kumpul dan rahsiakan serta untuk melindungi Data Peribadi tersebut daripada pendedahan tanpa kebenaran atau yang menyalahi undang-undang.

Akses dan Pembetulan

13. Anda boleh, dengan memberi notis bertulis, meminta untuk mengakses dan/atau membetulkan Data Peribadi anda dengan menghubungi Syarikat dengan menggunakan maklumat hubungan yang dinyatakan di bawah. Syarikat mempunyai hak untuk menolak permintaan akses atau pembetulan atas alasan-alasan yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Syarikat juga berhak untuk mengenakan bayaran untuk pengaksesan Data Peribadi anda dalam jumlah yang dibenarkan di bawah undang-undang.

Maklumat Hubungan

14. Sekiranya anda ingin mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda untuk Tujuan, untuk mengakses atau membetulkan data anda menurut Seksyen 11 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa), atau sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan pemprosesan Data Peribadi anda, sila hubungi:

Pengurus Kanan Sumber Manusia dan Pentadbiran
Telefon: +605 698 3800
Alamat e-mel: pdpa@ytygroup.com.my
Nama: Cik Ahsha Loganathan

Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa jika anda memilih untuk mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda, ini mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat untuk melaksanakan fungsi-fungsi tertentu berkenaan dengan penggajian anda dengan Syarikat.

15. Syarikat mempunyai hak untuk mengubah suai, mengemas kini atau meminda terma-terma Notis ini pada bila-bila masa. Sebarang perubahan kepada Notis ini akan berkuat kuasa serta-merta setelah pemberitahuan telah dibuat kepada anda.

***